

16/06/1999

Ekspo beri tumpuan barangan buatan Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa - Ekspo Cintai Malaysia 1999 yang memberi tumpuan khusus aspek pameran dan jualan barangan buatan Malaysia termasuk hartanah bukan sahaja kepada rakyat negara ini malah warga asing.

Ini kerana banyak barangan buatan Malaysia yang akan dipamerkan memenuhi piawaian antarabangsa daripada segi kualiti dan berpotensi untuk pasaran eksport.

Untuk itu pihak penganjur turut mengadakan kempen di luar negara antaranya China dan dijangka meneruskan usaha itu ke negara Asean iaitu Thailand, Vietnam, Kemboja, Myanmar, Indonesia, Singapura, Brunei dan Filipina.

Bagi penduduk tempatan, ia bukan sahaja menggalakan mereka memberi tumpuan kepada barangan dan perkhidmatan tempatan malah memupuk semangat patriotisme kerana setiap ringgit yang dibelanjakan dapat dimanfaatkan oleh pengilang, pengeluar dan usahawan tempatan.

Ekspo yang dianjurkan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur (KLSCCCI) itu menyediakan 900 tapak gerai dijangka disenaraikan dalam 'Malaysia Book Of Records' sebagai ekspo terbesar pernah diadakan.

Ia berlangsung 10 hari mulai 13 Ogos di Dewan Pameran Antarabangsa Malaysia (Mines) Sri Kembangan dekat sini yang dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Kerk Loong Sing, berkata sehingga kini sebanyak 600 pengilang, pengeluar dan usahawan sudah mengesahkan penyertaan termasuk 10 syarikat pemaaju hartanah.

"Ini adalah kali pertama kita menerima penyertaan syarikat pemaaju hartanah," katanya.

(END)